

# IKRAR SOKONGAN PADA MAHATHIR

**KUALA LUMPUR 20 Sept. —** Perhimpunan Agung UMNO yang tamat hari ini berjaya membuktikan kukuhnya perpaduan dalam UMNO dengan Datuk Musa Hitam serta Encik Ghafar Baba berikrar secara terbuka memberikan sokongan terhadap kepimpinan Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad.

Kemantapan kedudukan Dr. Mahathir sebagai Presiden UMNO jelas terbayang apabila ramai perwakilan yang mendengar ucapan penggulungannya di penutup perhimpunan melaungkan 'Hidup Mahathir', bila beliau berkata: "Saya akan kotakan apa yang saya kata."

Sebaik sahaja tamat perhimpunan, komen Dr. Mahathir ialah 'tidak ada lagi apa yang dikatakan masalah. Kita hendak itu dihentikan'.

Datuk Musa yang berada di sidang akhbar itu tersenyum sambil berkata: 'Saya setuju'.

Kenyataan Presiden dan Timbalan Presiden UMNO itu sebagai jawapan pertanyaan pemberita yang menanyakan kenapa mereka berdua tidak menjelaskan sebab - sebab tercetusnya 'krisis' di antara mereka sehingga menyebabkan Datuk Musa meletakkan jawatan seperti yang diminta oleh perwakilan.

Ramai perwakilan "menunggu untuk mendengar penjelasan itu tetapi Dr. Mahathir tidak langsung menyentuh mengenai hal itu dalam ucapannya kira - kira 20 minit.

Datuk Musa pula memberitahu perwakilan dalam ucapannya beliau tidak bercajag menghuraikan dengan lanjut kerana berbuat demikian akan menimbulkan perpecahan dalam parti.

Datuk Sri Dr. Mahathir semasa ditanya sama ada ikrar pemimpin UMNO serta 1,500 perwakilan itu satu petanda bahawa beliau mempunyai sokongan padu dalam UMNO cuma menjawab:

## Lebih penting

"Saya tidak tahu. Mungkin juga mereka menyokong saya."

Tetapi Datuk Musa yang duduk di sebelahnya berkata: "Ya, kita mengesahkan (endorse) kepimpinan Dr. Mahathir."

Perdana Menteri kemudian mengulangi apa yang lebih penting ialah UMNO tetap tegap dan kukuh sungguhpun "pemimpin datang dan pemimpin pergi."

Sebelum itu dalam ucapannya kepada perwakilan, Presiden UMNO berkata semua pihak mesti menerima hakikat bahawa resmi beliau ialah bersikap tegas dalam pendiriannya.

"Tiap - tiap orang ada resminya sendiri. Jika sikap tegas itu dikatakan salah, maka carilah orang lain yang kurang tegas untuk mengatasi perkara yang berlaku," jawabnya kepada hujah perwakilan kononnya sikap beliau yang tegas membuatkan harga barangan Malaysia turun di pasaran dunia.

Sambil menyatakan dukacita dan kesalnya terhadap teguran perwakilan itu, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata: Sikap tegas dan cekap ini tak boleh dibuat secara pilih kasih.

"Jika saya disuruh bercakap tegas kepada bukan Melayu di negara ini, tetapi disuruh tunduk kepada orang lain yang mempunyai kuasa (negara - negara asing), ini tidak mungkin saya buat.

Beliau mempertahankan sikap tegasnya itu dengan berkata cakapnya yang tegas itu berasaskan kebenaran.

Lagi satu perkara yang ditimbulkan oleh Datuk Sri Dr. Mahathir ialah slogan yang dikatakan oleh ramai perwakilan iaitu, 'cakap tak serupa bikin.'

Perdana Menteri menjawab: 'saya kesal dengan kata - kata ini kerana ini bermakna apa yang dia cakap orang lain mesti buat. Saya tak sanggup buat apa yang dia cakap. Tetapi saya sanggup buat apa yang saya cakap.'

Perdana Menteri kemudian memberitahu, UMNO mempunyai sikap se-

**LIHAT MUKA 11**

## Ikrar sokongan

derhana dalam perjuangan dan pelaksanaan segala dasar mengambil kira realiti keadaan dalam masyarakat berbilang kaum.

Beliau juga mengumumkan kabinet sedang mengkaji soal wakil - wakil rakyat yang menerima pencen berganda - ganda daripada negeri - negeri yang pernah diwakilinya.

Kenyataan itu sebagai ja-

wapan kepada permintaan perwakilan tentang adanya seorang wakil rakyat yang menerima pencen Ahli Dewan Undangan Negeri dari Negeri Melaka dan Selangor dan bakal menerima pencen di Pulau Pinang setelah tamat tempoh perkhidmatannya.

beritahu para pemberifa, kabinet telah mengenakan satu peraturan baru tidak

membenarkan menteri membeli saham dalam bank.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga menjelaskan kerajaan akan mengurangkan birokrasi dalam usahanya menarik para pelabur asing ke negara ini.

Katanya, kerajaan mendapati terlalu banyak proses birokrasi yang memakan masa dan menimbul-

kan perasaan tidak begitu senang di kalangan para pelabur

Kerajaan telah pun mengkaji semua masalah yang melambatkan keputusan terhadap permohonan - permohonan para pelabur untuk melabur di negara ini, katanya.

Kerajaan telah membuat keputusan supaya segala unsur yang tidak begitu tepat dihapuskan sebaliknya menumpukan syarat - syarat yang memudahkan keputusan," tambahnya.

Beliau akan mengumumkan perkara itu dalam satu lawatannya ke Amerika tidak lama lagi.